

Ruj. Kami : MQA.100-1/7/2 Jld. 4 (16)

Tarikh : 3 Disember 2021

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan/Puan,

SURAT MAKLUMAN MQA BIL. 17/2021

PENERANGAN TERMA 'PENGALAMAN INDUSTRI' DAN 'LATIHAN SANGKUTAN INDUSTRI' BAGI STANDARD TENAGA PENGAJAR DALAM CODE OF PRACTICE FOR TVET PROGRAMME ACCREDITATION (COPTPA) EDISI KEDUA

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas, Pekeliling Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) Bil. 10/2019 – Pelaksanaan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET: Pemakaian Kod Amalan Akreditasi Program TVET (Code of Practice for TVET Programme Accreditation, COPTPA) bertarikh 30 Ogos 2019, Pekeliling MQA Bil. 6/2020 – Pemakaian COPTPA Edisi Kedua bertarikh 31 Disember 2020 dan Surat Makluman MQA Bil. 1/2021 – Pelaksanaan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET: Tempoh Transisi Pematuhan Standard TVET dalam COPTPA bertarikh 14 Januari 2021.

2. Seperti mana tuan/puan sedia maklum, pelaksanaan dan pematuhan terhadap COPTPA adalah terpakai kepada semua Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) dan Penyedia TVET dalam penyediaan dokumen permohonan Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh serta permohonan Penilaian Semula program TVET berkuat kuasa 1 Februari 2020. Ini turut melibatkan penilaian akreditasi program TVET oleh Ahli Panel Penilai TVET (APV).
3. Bagi memastikan COPTPA Edisi Kedua kekal relevan, pihak MQA dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) telah memperhalusi dan mempertimbangkan untuk memperluaskan terma '**pengalaman industri**' dan '**latihan sangkutan industri**' yang dinyatakan pada **Bidang 4: Tenaga Pengajar** dalam COPTPA Edisi Kedua supaya lebih fleksibel dan praktikal.

4. Penerangan terma 'pengalaman industri' dan 'latihan sangkutan industri' seperti yang diperincikan dalam **Lampiran 1** telah dibentangkan dan dipersetujui dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bersama (Joint Technical Committee, JTC) Jaminan Kualiti Tunggal TVET Bil. 2/2021 bertarikh 29 Julai 2021. Pengemaskinian ini akan dinyatakan pada bahagian Glosari dalam COPTPA Edisi Kedua.

5. PPT dan Penyedia TVET dimohon mengambil perhatian yang sewajarnya bagi memastikan jaminan kualiti program TVET dapat dilaksanakan dengan lancar dan teratur.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



PROF. DATO' DR. MOHAMMAD SHATAR BIN SABRAN (DIMP, DPMP)

s.k.:

1. YBhg. Ketua Setiausaha
Pejabat Ketua Setiausaha
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
2. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 9, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
3. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4w
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA
4. SUSK YB Menteri Pengajian Tinggi
Pejabat Menteri Pengajian Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 18, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
5. Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
Tingkat Bawah, Menara PTPTN
Blok D, Megan Avenue II
No.12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 W.P. KUALA LUMPUR
6. Ketua Pegawai Eksekutif
Education Malaysia Global Services (EMGS)
Tingkat 20, Menara TA One
22 Jalan P Ramlee
50250 W.P. KUALA LUMPUR

7. Sekretariat
Jawatankuasa Naib Canselor/Rektor Universiti Awam (JKNC/R UA)
Pejabat Naib Canselor
Aras 2, Bangunan Canseleri
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 TANJONG MALIM, PERAK
8. Sekretariat
Jawatankuasa Timbalan-Timbalan Naib Canselor/Rektor (Akademik & Antarabangsa) (JKTNCRA UA)
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Aras 9, Canseleri
Universiti Malaya
50603 W.P. KUALA LUMPUR
9. Sekretariat
Majlis Dekan Pengajian Siswazah Universiti Awam
Pusat Pengajian Siswazah
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
P.O. Box 10
50728 KUALA LUMPUR
10. Sekretariat
Majlis Naib Canselor IPTS (Vice Chancellors Council for Private University, VCCPU)
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Penyelidikan)
Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)
Putrajaya Campus
Jalan IKRAM-UNITEN
43000 KAJANG, SELANGOR
11. Presiden
Persatuan Kebangsaan Institusi Pengajian Tinggi Swasta Bumiputera Malaysia (PKIBM)
c/o Pejabat Komunikasi Korporat, Kumpulan Pendidikan Uniti
Pt 7445 & Pt 7446, Jalan Bbn1/2h, Putra Point 1
Bandar Baru Nilai 1
71800 NILAI, NEGERI SEMBILAN

12. Presiden
Malaysian Association of Private Colleges and Universities (MAPCU)
c/o Asia Pacific Institute of Information Technology (APIIT)
Jalan Inovasi 1, Techonology Park Malaysia
Bukit Jalil
57000 KUALA LUMPUR
13. Presiden
National Association of Private Educational Institutions (NAPEI)
A-1-3, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1
46050 PETALING JAYA, SELANGOR
14. Presiden
Persatuan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta Sabah (PIPTSS)
1st-3rd Floor
85, Jalan Gaya
88000 KOTA KINABALU, SABAH
15. Presiden
Persatuan Institusi-Institusi Pendidikan Tinggi Sarawak (PERINTIS)
Pusat Pembangunan Kemahiran Sarawak/ International College of
Advance Technology Sarawak
Jalan Canna, Off Jalan Wan Alwi, Tabuan Jaya
93350 KUCHING, SARAWAK

**TERMA 'PENGALAMAN INDUSTRI' DAN 'LATIHAN SANGKUTAN INDUSTRI'
BAGI STANDARD TENAGA PENGAJAR**

PERKARA	TERMA DAN KENYATAAN
Pengalaman Industri	Pengalaman bekerja kumulatif dalam bidang berkaitan yang diperolehi sebelum, semasa dan selepas pengajian yang bersesuaian dengan syarat kelayakan minimum tenaga pengajar bagi program yang akan diajar: a) Sebelum pengajian Pengalaman industri terdahulu yang diperolehi sebelum memulakan pengajian dengan syarat pengalaman industri tersebut adalah bersesuaian dengan tahap kelayakan mengajar yang ditetapkan. b) Semasa pengajian Pengalaman industri yang diperolehi tidak kurang daripada tempoh 3 bulan (Contoh: Latihan Industri). c) Selepas pengajian Pengalaman industri yang diperolehi selepas tamat pengajian dengan syarat pengalaman industri tersebut bersesuaian dengan tahap kelayakan mengajar yang ditetapkan.
Latihan Sangkutan Industri	Latihan atau aktiviti penyelidikan bersama industri yang dikendalikan di industri dan/atau di pusat latihan kemahiran atau mana-mana agensi yang mendedahkan tenaga pengajar kepada pengalaman kerja sebenar dan mampu mengemas kini atau meningkatkan kompetensi mereka terhadap teknologi dan cara kerja terkini.

PERKARA	TERMA DAN KENYATAAN
Tenaga pengajar yang merupakan bekas pengamal industri	Dikecualikan daripada latihan sangkutan industri bagi 2 tahun pertama sebagai tenaga pengajar.
Tenaga pengajar secara sambilan yang merupakan pengamal industri	Dikecualikan daripada latihan sangkutan industri.